

**TUGASAN  
KAJIAN KES SEJARAH TINGKATAN 3  
(TUGASAN WAJIB)**

**Pelajar boleh memilih tajuk lain berdasarkan tajuk dalam buku teks tingkatan 1, 2 atau 3. (tajuk perlu dibincangkan bersama guru).**


**Ini adalah cadangan contoh tajuk**

<b>TEMA : KEDATANGAN KUASA ASING</b>	
<b>TAJUK 7 : CAMPUR TANGAN DAN PENJAJAHAN KUASA BARAT</b>	
Isu Kajian Kes	: Sistem Pendidikan Formal  <b>Contoh Pernyataan masalahP</b> (Pendidikan formal sebelum kedatangan British membuktikan rakyat di negara kita hidup dalam kemakmuran tanpa perlu campur tangan barat. Buktikan)
Objektif Kajian	: <b>Pengetahuan</b> ; Mengetahui bentuk sistem pendidikan kita sebelum dan selepas merdeka.  <b>Kemahiran</b> ; Menghuraikan kesan penjajahan terhadap sistem pendidikan di negara kita.  <b>Nilai</b> ; Menghargai peluang yang dilalui dalam sistem pendidikan di negara kita.

<b>Contoh Persoalan mengembangkan idea</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>: 1. Berikan definisi tajuk kajian kes berdasarkan pandangan individu-individu berkaitan dengan bidang pendidikan.</li> <li>2. Bagaimana pendidikan formal sebelum kedatangan British?</li> <li>3. Apakah ciri-ciri sistem pendidikan di negara kita sewaktu penjajahan British?</li> <li>4. Bagaimanakah sistem pendidikan di negara kita dilaksanakan selepas merdeka?</li> <li>5. Berikan cadangan anda bagi mewujudkan sistem pendidikan yang lebih membina semangat perpaduan dan jati diri yang tinggi rakyat di negara kita.</li> </ul>
Rujukan dan Sumber	<ul style="list-style-type: none"> <li>: 1. Buku ilmiah</li> <li>2. Majalah</li> <li>3. Akhbar</li> <li>4. Jurnal</li> <li>5. Internet (whatsapp/telegram/blog/online news/facebook dll)</li> <li>6. Rencana</li> <li>7. Buku teks</li> <li>8. Video (<i>rancangan dokumentari / youtube</i>)</li> <li>9. Orang Sumber (<i>jika perlu / ada</i>)</li> </ul>
Kaedah Kajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>: 1. Penyelidikan perpustakaan</li> <li>2. Menganalisis dokumen</li> <li>3. Melayari Internet.</li> <li>4. Lawatan dan pemerhatian</li> <li>5. Temubual orang sumber</li> <li>6. Kaedah Audio Visual</li> </ul>
Laporan Kajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>: 1. Pernyataan masalah (Tajuk).</li> <li>2. Penghargaan</li> <li>3. Jadual Kerja</li> <li>4. Proses Awal</li> <li>5. Objektif kajian (<i>bina berdasarkan aspek kajian anda</i>)</li> <li>6. Kaedah Kajian</li> <li>7. Pengenalan</li> <li>8. Hasil dapatan</li> <li>9. Kesimpulan dan cadangan.</li> <li>10. Rujukan (<i>tulis rujukan berdasarkan format yang ditetapkan</i>)</li> <li>11. Lampiran (surat, transkrip temubual, gambar, bahan fotostat daripada sumber)</li> </ul>
Pembentangan hasil kajian.	: Mengikut kreativiti pelajar

\*Tempoh Pelaksanaan Mei hingga Jun 2019 termasuk pembentangan.

### Langkah-langkah Pelaksanaan Kajian Kes



#### Format penulisan:

- Laporan ditulis tangan atas kertas saiz A4 (10 mukasurat dan perlu dikokot)
- Pelajar dikehendaki membina pernyataan masalah berdasarkan tema atau tajuk.
- Mencari sumber rujukan yang berkaitan masalah/tajuk sekurang-kurangnya 4 sumber rujukan.
- Membina Objektif merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai menggunakan kata kunci seperti berikut:  
(Memahami, Mengetahui, Menghurai, Menganalisis, Menyatakan, Mengkaji, Memenuhi, Memberikan, dan mana-mana kata kerja yang dirasakan sesuai)
- Menganalisis data dan membuat perbandingan daripada pelbagai bahan dan sumber untuk menjawab pernyataan yang dikaji.
- Menulis laporan kajian mengikut format yang ditetapkan.
- Membentangkan laporan kajian secara individu (3-5 minit)
  - i. Fokus pembentangan ialah kemahiran berkomunikasi dan sosialisasi menggunakan sekurang-kurangnya 2 kaedah penyampaian yang berkesan, menarik dan boleh dicontohi.
  - ii. Pembentangan merangkumi kandungan, kelancaran, susun atur, gaya penyampaian dan kreativiti
  - iii. Bahan sokongan (kertas sebak, power point, lakonan, simulasi, model, komik, pengucapan awam, kuiz, permainan dan lain-lain bentuk laporan yang difikirkan sesuai)
- Aspek tatabahasa perlu dipentingkan dalam penulisan, penggunaan peribahasa dan simpulan bahasa digalakkan.

**Contoh Penulisan sumber rujukan****Internet**

<http://www.theborneopost.com/2015/09/03/14>  
<http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm>

**Buku**

Lofti Ismail, 1988. *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

**Orang Sumber:**

Encik Ismail bin Mohd Kassim, 43 tahun, No. 21, Jalan Lundu 7, Taman Beringin 52000 Kuala Lumpur.

**Jurnal**

Ahmad Masjidin. "Malayan Union Dalam Ruangan Akhbar Warta Negara" dalam Jurnal *Malaysia dari Segi Sejarah*. Bil 8, April 1979.

**Ensiklopedia**

Tajuk, jilid dan tahun.

**Akhbar**

Utusan Malaysia, 17 Jun 1992, halaman 5.

**Melawat Tempat Kajian**

Pejabat Pelancongan Malaysia, Tingkat 17, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45 Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.

**VCD**

Tajuk program, terbitan.

**Radio/Televisyen**

Tajuk program, tarikh, masa, rangkaian.

**Majalah**

Nama majalah, tarikh, tahun.

**Sumber lain**

Jenis sumber, alamat/punca sumber.